Tanah runtuh timbus 8 rumah

Tiada kemalangan jiwa dalam kejadian akibat hujan lebat sejak malam kelmarin

B.H 31/01/09 M/S 19

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bharian.com.my

MIRI: Lapan rumah penduduk Kampung Lereng Bukit ranap sama sekali selepas hujan lebat sejak malam kelmarin menyebabkan tanah runtuh berlaku sekali lagi di kawasan kaki Bukit Kanada di sini, semalam.

Dalam kejadian yang berlaku kira-kira jam 1 tengah hari itu, enam rumah roboh sebelum runtuhan susulan yang berlaku pada jam 1.15 tengah hari menyebabkan dua rumah lagi roboh.

Ketua Polis Daerah Miri, Asisten Komisioner Jamaluddin Ibrahim, berkata penduduk kampung mula menyedari tanah di kawasan lereng bukit menggelongsor pada jam 9.40 pagi sebelum lima keluarga bertindak meninggalkan kediaman masing-masing.

Katanya, berikutan amaran awal yang diterima penduduk kampung supaya berpindah dengan segera, tiada kemalangan jiwa atau kecederaan serius dilaporkan berlaku dalam kejadian itu.

"Kira-kira jam 1 tengah hari runtuhan besar mula berlaku di Bukit Kanada menyebabkan enam rumah penduduk roboh sebelum runtuhan susulan 15 minit kemudian menyebabkan dua rumah lagi roboh.

"Sehingga jam 4 petang semalam beberapa runtuhan kecil masih berlaku dengan polis mengarahkan 18 keluarga berdekatan kawasan runtuhan meninggalkan kawasan rumah masing-masing," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

MANGSA runtuhan tanah memindahkan barang dari rumah mereka di Kampung Lereng Bukit dekat Miri, semalam.

Kampung Lereng Bukit terletak kira-kira satu kilometer dari lokasi pertama kejadian tanah runtuh pada 16 Januari lalu yang menyebabkan sebuah stesen minyak Shell ranap sementara dua pekerjanya, warga Indonesia mati tertimbus.

Jamaluddin berkata, pihaknya kini meletakkan seluruh kawasan kampung berkenaan dalam keadaan berjaga-jaga berikutan cuaca dan hujan yang tidak menentu boleh mengakibatkan struktur tanah menjadi tidak stabil.

FAKTA NOMBOR

68
mangsa
sudah dipindahkan

"Sehingga lewat petang semalam seramai 68 mangsa sudah dipindahkan ke Dewan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Miri dengan kita masih membantu memindahkan beberapa keluarga lain.

"Kita menganggap kawasan Kampung Lereng Bukit adalah berbahaya berikutan struktur tanahnya yang tidak stabil dan berkemungkinan akan runtuh pada bila-bila masa terutama ketika hujan lebat," katanya.

Berikutan penambahan mangsa dari kampung berkenaan, seramai 106 mangsa dua kejadian tanah runtuh Bukit Kanada kini ditempatkan di Dewan PBSM Miri buat sementara waktu.